

Jika Diberi, Makanlah...

Daripada Umar bin al-Khattab RA, katanya Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أُعْطِيتَ شَيْئًا مِنْ غَيْرِ أَنْ تَسْأَلَ، فَكُلْ وَتَصَدَّقْ

Maksudnya: "Apabila kamu dikurniakan sesuatu tanpa meminta, maka makanlah atau bersedekahlah."

Riwayat al-Bukhari (13/150), Muslim (2/723),
Abu Daud (2/296) dan al-Nasaie (3/108)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menunjukkan kepada kita supaya jangan meminta, tetapi berusaha dalam mencari rezeki dan kurniaan Allah. Inilah sifat muslim yang sebenarnya.
2. Sebenarnya hadis ini berkenaan dengan kurniaan pemerintah kepada seseorang tanpa ia meminta, maka baginya dua pilihan sama ada ia mengambil untuk memakannya atau dia boleh bersedekah kepada orang lain. Kedua-dua ini dilakukan oleh salafusoleh.
3. Sifat memberi adalah sifat yang mulia yang sewajarnya menjadi pakaian kepada kita semua, lebih-lebih lagi bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukannya dan juga kaum keluarga yang begitu akrab dengan kita. Ini sudah pasti akan menimbulkan perasaan kasih sayang antara satu sama lain.
4. Pemerintah yang bersifat prihatin kepada rakyatnya adalah pemerintah yang baik yang sudah pasti akan dikasihi dan ditaati oleh rakyatnya. Apabila hal ini berlaku, banyak usaha yang mulia akan dapat diterapkan dalam masyarakat. Akhirnya, terbentuklah negara yang disifatkan sebagai *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*. Semoga negara kita Malaysia menjadi negara seperti itu.

5. Membanyakkan sedekah untuk kebaikan, bergegas menutup segala keperluan fakir miskin dan juga membantu janda, anak yatim dan orang fakir supaya sedekah tersebut semata-mata kerana Allah.
6. Dalam kehidupan bermasyarakat, kita sentiasa perlu memerlukan antara satu sama lain. Justeru, saling bantu membantu atas asas kebenaran dan ketakwaan amat dituntut selaras dengan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

(Surah al-Maidah: 2)

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Bergembiralah dengan hal-hal yang boleh menghapuskan dosa-dosa, misalnya amal soleh, musibah-musibah, taubat, doa dari kaum muslimin, rahmat dari Yang Maha Pengasih dan syafaat dari Rasulullah.
- ❖ **Pujangga berkata:** Biasakan untuk mengeluarkan sedekah meskipun hanya sedikit, kerana sedekah akan memadamkan api kesalahan, menggembirakan hati, menghilangkan keresahan dan menambahkan rezeki.

Kisah Teladan

Ibn Mubarak mempunyai seorang jiran Yahudi. Ia selalu memberi makan kepada orang Yahudi itu terlebih dahulu sebelum anak-anaknya, begitu juga dalam hal pakaian. Suatu hari, orang-orang yang berada di sekitarnya berkata: Juallah rumahmu kepada kami. Yahudi itu berkata: Baik, tapi rumahku itu berharga dua ribu dinar, seribu dinar harganya dan seribu dinar lagi kerana berjiran dengan Ibn Mubarak. Ketika Ibn Mubarak mendengar hal itu, ia pun berkata: “Ya Allah, tunjukkanlah ia ke jalan Islam.” Akhirnya, orang Yahudi tersebut memeluk Islam atas izin Allah SWT.